

BAB 10

PENDAKWAH WANITA DALAM MEMACU PERPADUAN

Siti Rugayah Hj Tibek

Pendahuluan

Allah SWT menjadikan Adam AS dan selepas itu menjadikan pula Hawwa untuk menjadi peneman dan pelengkap manusia pertama yang diturunkan ke bumi. Pembinaan keluarga berdasarkan kasih sayang, hubungan murni sebagai asas keluarga dan seterusnya berkembang menjadi masyarakat yang besar.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 1:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نُفُسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا
اللهُ الَّذِي تَسْأَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿النساء: ١﴾

Maksudnya:

“Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan dari padanya Allah menciptakan isterinya; dan daripada keduanya Allah memperkembangiakkan lelaki dan perempuan yang banyak. Bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu.”

Allah SWT memulakan ayat ini dengan meminta manusia bertaqwa, seterusnya menceritakan penciptaan manusia dan bagaimana menjadikan pasangan dan keturunan mereka. Allah SWT mengulangi lagi untuk manusia bertaqwa dan sentiasa tolong bantu menjaga silaturrahim (persaudaraan) malah memberi peringatan bahawa Allah SWT akan sentiasa mengawasi. Ulama Tafsir (lihat Ibn Kathir, 2001 dan Qurtubi, 2006) menjelaskan bahawa pengulangan

RAHMAH LI AL-'ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

kalimah اشْفَوْا dalam ayat ini menunjukkan sebagai penta'kid atau penguat serta peringatan perintah takut kepada Allah SWT.

Ayat ini adalah asas yang kukuh untuk dihayati bahawa wanita adalah dijadikan untuk bersama-sama dengan kaum lelaki dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini.

Kedudukan Wanita Dalam Islam

Perkara ini telah banyak dibicarakan, dan tidak disangsihan bagaimana Islam meletakkan wanita tiada perbezaan dengan lelaki dalam melakukan kewajipan terhadap Allah SWT. Namun apabila berbicara tentang “Rahmatan li al-'Alamin”, sesungguhnya rahmat ini telah meletakkan wanita dikedudukan yang tinggi dan sama dengan kaum lelaki. Sedangkan sebelum itu wanita ditindas malah dianggap menyusahkan keluarga. Allah SWT menceritakan perkara ini dalam surah al-Nahl ayat 58:

وإِذَا بَشَرَ أَحَدُهُمْ بِالْأَنْثَى ظَلَّ وَجْهُهُ مَسُودًا وَهُوَ كَظِيمٌ * يَتَوَارَى مِنْ الْقَوْمِ مِنْ سُوءِ مَا بُشِّرَ بِهِ أَيْمَسِكُهُ عَلَى هُونٍ

أَمْ يَدْسُهُ فِي التُّرَابِ أَلَا سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ

Maksudnya:

Apabila seseorang dari mereka diberi khabar dengan (kelahiran) anak perempuan, wajahnya menjadi hitam (merah padam), dan dia sangat marah, dia bersembunyi dari orang ramai, disebabkan khabar buruk yang disampaikan kepadanya. Apakah dia akan memeliharanya dengan menanggung kehinaan atau akan membenamkannya ke dalam tanah (hidup-hidup) Ingatlah alangkah buruknya apa yang mereka tetapkan itu.

Apabila Rasulullah SAW diutuskan dengan membawa rahmat kepada sekalian alam ini, hak wanita dibela dan diberi hak. Antara ayat al-Quran yang menjelaskan hak wanita ialah:

- a- Hak beribadah dan mendapat pahala yang sama di sisi Allah AWT, sebagaimana disebutkan dalam surah al-Nahl ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْكِمَنَّ لِحَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنُجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Bermaksud:

Sesiapa yang beramal saleh daripada lelaki atau wanita dan dia beriman maka akan dianugerah kehidupan yang baik dan dibalas sebaik-baik pembalasan dengan apa yang mereka lakukan

RAHMAH LI AL-'ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

b- Wanita sebagai ibu, surah Luqman ayat 14:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَّلَتْهُ أُمُّهُ وَهُنَّا عَلَىٰ وَهُنِّيَّ وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُنْ لِي وَلِوَالِدَيْنِكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ

Bermaksud:

Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraiakan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).

Ayat ini menunjukkan bahwa kedua ibu dan bapa perlu dihormati dan dikasihi, namun ayat ini menambah bagaimana kesusahan dan keperitan ibu melahirkan anak-anak mereka. Penghargaan kepada wanita jelas tergambar dalam huraihan tersebut.

c- Wanita sebagai pembimbing dan pemimpin, Firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أُولَئِكَ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ
وَيُطْبِعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّرُهُمْ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Bermaksud:

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Ayat ini menunjukkan bahawa wanita juga adalah pemimpin dan pembimbing ke jalan yang benar, bertanggungjawab dalam menggalakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Wanita Pendakwah

Wanita adalah termasuk dalam perintah berdakwah yang disebutkan dalam al-Quran al-Nahl ayat 125:

RAHMAH LI AL-`ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ يَمَنِ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ۝
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Bermaksud:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Firman Allah SWT surah Ali `Imran ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۚ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Bermaksud:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Mengikut ulama dakwah, bahawa dakwah itu diperintahkan kepada semua umat Muhamad, bagi meneruskan penyebaran Islam ke akhir zaman. Wanita tidak terkecuali daripada kewajiapan ini. Bermula di zaman Rasullah SAW lagi wanita telah melibatkan diri dalam penyebaran Islam dalam pelbagai bentuk.

Sebahagian daripada pendakwah wanita di zaman Rasulullah SAW adalah seperti berikut:

1. Sayyidatina Khadijah binti Khuwailid

Sayyidatina Khadijah adalah orang yang pertama mempercayai kerasulan Nabi Muhammad dan membantunya untuk meyakini bahawa yang datang kepada Baginda SAW adalah malaikat Jibril dan yang disampaikan kepadanya adalah wahyu Allah SWT. Beliau berterusan bersama Rasulullah SAW sehingga beliau kembali menemui penciptanya.

2. Sumayyah binti Khayyat

Beliau ialah isteri Yasir ibn Amir. Suami dan anaknya syahid dalam perjuangan Islam dan dia sendiri adalah wanita pertama syahid dalam Islam demi berjuang menyebarkan Islam.

RAHMAH LI AL-`ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

3. Ruqayyah Ibni Rasulullah

Ruqayyah mengiring suaminya sayidina Uthman ibn Affan berhijrah ke Habsyah dan bersama beberapa orang wanita lagi iaitu Ummu Habibah binti Sufyan, Asma' binti Umais', Ummu Salamah dan beberapa orang lagi bersama untuk meneruskan penyebaran Islam dalam hijrah.

4. Arwa binti Abd al-Muttalib

Beliau adalah ibu saudara Nabi yang mendorong anaknya Tulaib ibn Umair mempertahankan Rasulullah SAW ketika disiksa oleh Abu Jahal.

5. Aishah binti Abu Bakr al-Siddiq RA

Beliau merupakan seorang wanita yang bijaksana, meriwayatkan banyak hadis daripada Rasulullah SAW, bukan sahaja mengajar kaum wanita di zamannya tetapi juga para sahabat yang lain juga meriwayatkan hadis daripadanya.

Tawfiq Yusuf al-Wa^ciy, umpamanya, ada menulis sebuah buku tentang *al-Nisaa' al- da^ciyat* (1990) yang menyenaraikan dan menunjukkan beberapa nama pendakwah di zaman Rasulullah SAW dan peranan yang mereka lakukan pada ketika itu.

Bagaimanakan Pendakwah Wanita mampu merealisasikan Risalah Rasulullah SAW “Rahmatan li al-Alamin”

Sebagaimana dinyatakan bahawa wanita juga adalah pendakwah dan pembimbing antara satu dengan lainnya, maka tanggungjawab untuk menyebarkan Islam sebagai agama yang membawa rahmat kepada sekalian alam adalah juga tanggungjawab wanita.

Wanita perlulah sentiasa memahami tanggungjawab mereka sebagai agen dakwah yang utama bermula daripada rumah hingga ke dunia global. Wanita sebagai ibu adalah pendidik utama, perlu menekankan agar Islam dijadikan sebagai agama yang menjadi pegangan itu mampu memberikan rahmat kepada semua yang ada disekitarnya.

Beberapa perkara menjadi asas dalam perkara ini dan yang utama adalah seperti berikut:

1. *Rabbaniyyah*: Semua hak telah ada nasnya dalam al-Quran dan Sunnah
2. Tetap: Hak yang lengkap dan sempurna tidak menrima perubahan
3. *Syumul*: Menyeluruh bagi setiap insan

RAHMAH LI AL-'ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

4. tidak bertentangan dengan matlamat syarak (*maqasid al-Syariah*)

Maqasid dan matlamat ialah:

1. *Ubudiyah* kepada Allah SWT semata-mata
2. Menjaga kehidupan manusia di semua peringkat
3. Merealisasikan keharmonian keseluruhan alam
4. Pelaksanaan keadilan sosial di atas muka bumi
5. Menjaga maslahah hamba dengan keperluan dalam kehidupan

Hak utama bagi seorang insan dalam Islam ialah pembebasan manusia dari memperhambakan diri selain daripada Allah SWT. Di sinilah tanggungjawab semua termasuk wanita iaitu berusaha dan berjuang membebaskan diri daripada perhambaan sesama insan, perhambaan diri kepada keduniaan. Melihat kepada asas iaitu *rabbaniyyah, syumul*, tetap dan tidak bertentangan dengan matlamat syarak, maka wanita dalam setiap langkah dakwahnya perlu memhami dan menghayati perkara tersebut.

Bagaimanapun tindakan yang dilakukan oleh kaum wanita, mereka perlulah sentiasa patuh kepada hukum syarak yang berkaitan dengan wanita. Adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk mengisi ilmu di dada, sebagaimana dimaklumi bahawa bidang ilmu adalah luas, keupayaan yang terhad kepada wanita sebagai manusia biasa dalam mendalami ilmu dalam bidang tertentu sahaja. Namun untuk menjadi pendakwah mereka seharusnya menggunakan bidang ilmu yang dia ada. Bidang perubatan, kejuruteraan, pendidikan, ekonomi dan sebagainya mereka boleh gunakan untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat.

Penutup

Wanita Muslimah perlu sedar bahawa mereka adalah agen penyebar risalah Rasulullah SAW. Bermula sebagai seorang ibu yang memberi pendidikan awal di rumah hingga ke peringkat yang lebih besar. Penekanan bahwa Islam adalah agama rahmah yang memberikan keharmonian kepada penganutnya dan juga kepada orang lain. Perkara ini menyeluruh, termasuklah tingkah yang berkait dengan persekitaran, contohnya penjagaan kebersihan, masa, tutur kata dan apa sahaja yang melibatkan orang di sekeliling.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

**RAHMAH LI AL-`ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK
DI MALAYSIA**

Ibnu Katsir .2001. *Tafsir Ibn Kathir*. Riyadh: Dar al-Salam

Al-Qurthubi, Abu Abdillah, Muhammad Bin Ahmad Bin Abu Bakar Al-Maliki. 2006. *Al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. Lubnan: Muassah al-Risalah

Tawfiq Yusuf al-Wa^ciy. 1990. *al-Nisaa' al- Da^ciyat*. Kaherah: Dar al-Fikr